

PM tempat ke-15 senarai 500 tokoh Muslim berpengaruh

Anwar juga berada kedudukan kesembilan dalam kategori pemimpin dan ahli politik

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, disenaraikan pada tempat ke-15 dalam kalangan 500 tokoh Muslim paling berpengaruh di dunia.

Pengiktirafan itu dibuat oleh penerbitan *The Muslim 500* edisi 2025 itu terbitan *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* (MABDA), sebuah pusat kajian bebas yang bernaung bersama Institut Pemikiran Islam Diraja Aal al-Bayt yang beribu pejabat di Amman, Jordan.

Anwar juga berada di tempat kesembilan dalam kategori pemimpin dan ahli politik. Pada penerbitan edisi 2024, Anwar berada pada kedudukan ke-17.

The Muslim 500 juga menyenaraikan Raja Jordan, Raja Abdullah di tempat pertama, diikuti Ulama dan Pengarah Dar Al Mustafay Tarim Yaman, Sheikh Al-Habib Umar bin Hafiz; Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani; Pemimpin Tinggi Iran, Ayatollah Sayyid Ali Khamenei; Raja Arab Saudi, Raja Salman.


Turut tersenarai di tempat ke-18 dan 19 ialah Presiden Indonesia baharu, Prabowo Subianto dan Pengerusi Nahdlatul Ulama, Yahya Cholil Staquf.

The Muslim 500 menyifatkan, Anwar mencipta kemuncak perjalanan politik menjangkau tiga dekad apabila beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada November 2022.

Perjuang isu rakyat Palestin

Penerbitan itu turut menyenaraikan kelantangan Anwar dalam memperjuangkan isu Gaza dan hak rakyat Palestin dalam menentang kependudukan haram Israel.

Malah, penerbitan itu turut menekankan mengenai kritikan keras terhadap tindakan syarikat gergasi teknologi, Meta, yang menurunkan hantaran Anwar berhubung pembunuhan pemimpin Palestin, Is-



“Pertemuan beliau dengan pemimpin Hamas (termasuk Ismail Haniyeh yang dibunuh Israel) mendapat kritikan dari Amerika Syarikat.

“Malah, catatan media sosialnya ketika menyampaikan ucapan takziah ekoran pembunuhan Ismail Haniyeh diturunkan, mendorong

Anwar menyelar Meta dengan ungkapan; ‘Biar ini menjadi mesej yang jelas dan tidak berbelah bahagi kepada Meta: Hentikan sikap pengecut ini dan berhenti bertindak sebagai instrumen Zionis Israel yang menindas,’” kongsi penerbitan itu dengan mengimbas kenyataan tegas Anwar.